

**AZMAN** Che Mat  
**AZARUDIN** Awang  
**RUHAIZAH** Abd Ghani  
Universiti Teknologi MARA

## **SEJARAH KEDATANGAN KOMUNITI CINA KE TERENGGANU ABAD 14M-18M: DIASPORA DAN PENUKARAN AGAMA**

### ***THE HISTORY OF CHINESE COMMUNITY ARRIVAL IN TERENGGANU 14M-18M CENTURY: DIASPORA AND RELIGIOUS CONVERSION***

*Catatan negeri Terengganu dalam lipatan sejarah China memperlihatkan hubungan yang akrab yang telah dilalui oleh dua kerajaan. Sesungguhnya hubungan yang akrab ini dibuktikan dengan kedatangan komuniti Cina ke negeri Terengganu secara sukarela ke negeri Terengganu sejak ratusan tahun yang lalu turut membawa bersama sistem kepercayaan yang diwarisi. Kini, kebanyakan komuniti Cina di negeri Terengganu tinggal di daerah Kuala Terengganu yang berfungsi sebagai ibu negeri, pusat pentadbiran, pusat perniagaan negeri yang majoriti berbangsa Melayu malah merupakan pusat keagamaan bagi komuniti Cina. Kajian ini bertujuan menjelaskan tentang peranan Kuala Terengganu sebagai pusat perkembangan agama-agama bagi komuniti Cina di negeri ini. Metodologi kajian ini dilakukan melalui pendekatan historis dan temu bual ke atas lima (5) orang pemimpin badan-badan agama di negeri ini. Hasil kajian mendapati wujud dua kelompok agama di negeri ini, iaitu 'Agama Kebangsaan Cina' yang merujuk kepada kepercayaan yang diwarisi dari Tanah Besar China. Dalam perihal ini Persatuan Buddha Terengganu merupakan badan yang utama berperanan mempromosikan pendidikan Buddha kepada komuniti Cina. Kelompok yang kedua merupakan komuniti Cina yang melakukan penukaran agama sama ada kepada agama Kristian atau Islam. Kewujudan gereja-gereja kecil (Parish) di bandar Kuala Terengganu memperlihatkan agama ini mendapat sambutan dalam kalangan komuniti Cina. Selain itu, badan-badan dakwah Islam seperti MAIDAM, PERKIM, MACMA dan Persatuan Darul Fitrah berperanan memperkasakan pendidikan dan penghayatan agama Islam dalam kalangan komuniti Cina yang memeluk agama Islam.*

**Kata kunci:** *Kedatangan, Cina, diaspora, agama, Terengganu*

*Terengganu state records in China's history show the close relationship that the two governments have been through. Indeed, this close relationship is evidenced by the arrival of the Chinese community to the state of Terengganu voluntarily to the state of Terengganu over the past hundred years and also brings with it the inherited belief system. Now, most of the Chinese communities in the state live in the district that serves as the state capital, the administrative and business center states that the majority are Malays but also a religious center for the Chinese community. This study aims to shed light on the role of Kuala Terengganu as a center of religious development for the Chinese community in the state. The methodology of this study is based on historical approach and interviews with five (5) leaders of religious bodies in the state. The results show that there are two religious groups in the country, the 'Chinese National Religion' which refers to the beliefs inherited from the Mainland of China. In this regard, the Terengganu Buddhist Association is the main body responsible for promoting Buddhist education to the Chinese community. The second group is a Chinese community that converts to either Christianity or Islam. The existence of small churches (parish) in the city of Kuala Terengganu shows that this religion is gaining popularity among the Chinese community. In addition, Islamic missionary organizations such as MAIDAM, PERKIM, MACMA and the Darul Fitrah Association play a role in strengthening the education and appreciation of Islam among Chinese communities who embrace Islam.*

**Keywords:** *Arrival, Chinese, diaspora, religion, Terengganu*

## **Pendahuluan**

Diaspora digunakan sebagai satu terma yang merujuk kepada kelompok yang berada di luar wilayah asal mereka seperti imigran, orang buangan, ekspatriat dan etnik yang minoriti. Terangkum dalam konsep diaspora ialah bentuk-bentuk perkembangan sosial dan budaya yang tersebar ke merata tempat.<sup>1</sup> Secara umumnya diaspora boleh dibahagikan kepada lima keadaan yang menyebabkan berlaku diaspora, iaitu perpindahan yang berlaku disebabkan konflik, perpindahan disebabkan peluasan tanah jajahan atas dasar imperialisme, diaspora kerana faktor pekerjaan, perpindahan berlaku kerana kegiatan perdagangan dan diaspora budaya tanpa melibatkan sebarang penghijrahan ke sesuatu wilayah.<sup>2</sup>

Negeri Terengganu didiami lebih 95% penduduknya daripada komuniti Melayu Muslim dan terletak di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Manakala komposisi bangsa Cina yang menganut pelbagai

kepercayaan adalah sekitar 2.7% dan merupakan penduduk yang kedua terbesar di negeri ini. Meskipun begitu, latar belakang sejarah ketibaan, hubungan dan penempatan di negeri ini memperlihatkan komuniti Cina mempunyai peranan yang tersendiri dalam sejarah negeri Terengganu.

Kuala Terengganu sebagai bandar utama negeri ini selain berperanan sebagai pusat keagamaan bagi masyarakat Muslim dan dalam masa yang sama ia juga memainkan peranan yang penting sebagai pusat keagamaan bagi komuniti Cina. Justeru, makalah ini menelusuri latar belakang komuniti Cina khususnya dari aspek historiografi dan diaspora agama-agama dalam kehidupan komuniti Cina di Kuala Terengganu.

## Sejarah Kedatangan Masyarakat Cina

Nama 'Terengganu' telah termaktub dalam catatan sejarah kerajaan China sejak ratusan tahun lagi. Bangu telah menulis satu rekod terawal di dalam *Han shu* yang melaporkan tempat-tempat spesifik di Terengganu pada zaman Dinasti Han.<sup>3</sup> Manakala nama 'Terengganu' disebut sebagai *Deng Ya Nong* seperti dalam tulisan Zhao Rukuo pada zaman Dinasti Song, *Ding Jia Lu* pada era Dinasti Yuan, ditulis di dalam buku yang berjudul *Tao Yu Zhi Lie* oleh Wang Dayuan. Dalam peta pelayaran Laksamana Cheng Ho, Terengganu dirujuk sebagai *Ding Jia Luo*. Selanjutnya dalam bibliografi negara-negara asing, Dinasti Ming menyebut nama Terengganu sebagai *Ting Ji Yi* pada jilid 325.<sup>4</sup> Rekod yang dipaparkan di atas jelas menunjukkan negeri ini memainkan peranan yang tersendiri dalam lipatan sejarah dinasti pemerintahan lampau negara China. Wong menyatakan:

*“Hubungan orang Cina dengan Terengganu terjalin secara berterusan, apatah lagi kapal-kapal Cina sentiasa belayar ke Terengganu, tujuan itu adalah untuk mengadakan perdagangan dengan pedagang setempat”.*<sup>5</sup>

Pada abad ke 14M, terdapat tulisan terawal yang lain merekodkan penempatan masyarakat Cina sempena kedatangan Laksamana Cheng Ho ke Terengganu. Menurut catatan itu, lokasi yang pernah dijejaki oleh Laksamana Cheng Ho ialah kampung Jeram yang berada pada 23 kilometer daripada Kuala Terengganu. Bukti kedatangan beliau ke lokasi itu telah disemadikan pada sebuah tokong yang didirikan oleh penduduk di kawasan itu dan dikenali sebagai tokong Laksamana Cheng Ho. Berdasarkan rekod inilah boleh dibuktikan bahawa pada kurun ke 14M, penempatan masyarakat Cina sudah wujud di Kuala Terengganu.<sup>6</sup> Kesan daripada hubungan yang telah lama antara masyarakat Melayu sebagai masyarakat asal dan masyarakat Cina sebagai masyarakat tamu telah melahirkan satu komuniti baharu, iaitu komuniti peranakan Cina. Komuniti peranakan Cina bertutur menggunakan

bahasa Melayu dalam urusan seharian dan kebanyakan sosio-budaya sangat mirip dengan kehidupan masyarakat Melayu setempat.<sup>7</sup> Pada tahun 1349M, seorang ahli peniagaan China bernama Wang Ta Yuan telah melawat Temasik serta beliau sempat singgah di Kuala Terengganu dan mendapati telah ada penempatan masyarakat Cina yang tinggal di negeri itu.<sup>8</sup> Berasaskan kepada kenyataan ini, boleh disimpulkan bahawa kedatangan masyarakat Cina ke Terengganu menyamai trend ketibaan mereka pada zaman kesultanan Melaka. Bahkan budaya kehidupan mereka yang begitu serupa dengan budaya masyarakat Melayu setempat sehingga komuniti ini digelar sebagai masyarakat 'Cina Peranakan' atau masyarakat 'Baba dan Nyonya' yang cukup terkenal itu.

Kapten Alexander Hamilton seorang penulis berbangsa Inggeris yang mencatatkan perihal masyarakat Cina di Terengganu lewat abad ke 14M. Menurut catatan beliau ketika melawat Kuala Terengganu pada 1719-1720, masyarakat Cina telah pun mendirikan penempatan awal di tepi-tepi sungai di negeri Terengganu.<sup>9</sup> Hal ini jelas bertepatan dengan aktiviti ekonomi pada waktu itu banyak dilakukan di tepi-tepi kawasan sungai sebagai laluan perhubungan utama untuk menjalankan urusan perdagangan. Catatan oleh John Francois de Surville (1769 M) dari Perancis pula merekodkan terdapat tiga buah bazar yang digunakan untuk aktiviti perniagaan dan salah satu daripadanya diperuntukan untuk komuniti Cina.<sup>10</sup> Menurut Kapten Alexander Hamilton, dalam urusan perniagaan, komuniti Cina membeli dua barangan yang berharga, iaitu lada hitam dan emas.<sup>11</sup>

Sebagai pengiktirafan kepada sumbangan masyarakat Cina kepada aktiviti ekonomi di Terengganu, satu ruang khusus untuk menjalankan aktiviti tersebut telah disediakan untuk mereka. Oleh yang demikian didapati komuniti Cina telah membina penempatan mereka dengan rumah batu yang kukuh di Kampung Cina.<sup>12</sup> Rumah batu ini masih lagi utuh di Kampung Cina meskipun sangat berusia. Robert Hunter, T.J. Newbold, M. Medhurst, Hugh Clifford sebagai ahli sejarah Barat telah merekodkan berkenaan kehidupan masyarakat Cina di sekitar Kuala Terengganu. Sebagai contoh, Newbold mencatatkan penempatan masyarakat Cina di Terengganu seperti di Kampung Cina, Wakaf Tapai dan Kampung Tirok. Dalam hal ini, boleh dikatakan bahawa hubungan masyarakat Cina dengan negeri Terengganu telah berlaku sebelum kedatangan Islam lagi pada sekitar abad ke 13M. Pada abad ke 18M, didapati penempatan masyarakat Cina telah begitu kukuh di negeri Terengganu, menyebabkan Kuala Terengganu muncul sebagai pusat ekonomi yang maju dan menjadi tumpuan masyarakat Cina sehingga sekarang. Kepesatan Kuala Terengganu pada ketika itu telah disamakan dengan kota Birmingham.<sup>13</sup> Tokoh sejarawan tanah air juga menyentuh perihal ini dalam satu catatan seperti berikut:


*"...Kuala Terengganu, in the eighteenth century, together with Riau (now part of Indonesia) was the leading ports in the Malay archipelago. Moreover, it is possible to present some vivid*

*descriptions of eighteenth century Kuala Terengganu because it was visited by several foreigners who left behind valuable records*"<sup>14</sup>

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dijelaskan di atas, masyarakat Cina yang datang ke Terengganu adalah disebabkan faktor perdagangan dan kehadiran mereka adalah secara sukarela. Mereka adalah kelompok pedagang yang datang ke Alam Melayu untuk tujuan perdagangan. Oleh yang demikian, kelompok dari gelombang pertama ini didapati mudah untuk mengadakan perhubungan dengan masyarakat Melayu tempatan berbanding dengan masyarakat Cina yang tiba pada zaman penjajahan British. Kelompok ini juga adalah daripada suku Hokkien dan dikenali sebagai Cina Peranakan. Peristiwa perkahwinan Diraja Terengganu, iaitu Sultan Ahmad I berkahwin dengan anak gadis seorang pemilik perniagaan yang menguruskan tarian menora menjadi bukti bahawa hubungan masyarakat Melayu dengan komuniti Cina telah diiktiraf di peringkat yang paling tinggi.<sup>15</sup> Semasa penjajahan Inggeris, negeri Terengganu dianggap tidak mempunyai kepentingan ekonomi. Oleh yang demikian hanya pada tahun 1909, barulah negeri Terengganu yang bernaung di bawah kerajaan Siam ketika itu telah diserahkan kepada Inggeris menerusi perjanjian Bangkok. Akibat daripada itu, penghijrahan masyarakat Cina pada gelombang kedua ke negeri-negeri Melayu tidak berlaku di negeri Terengganu pada suku pertama abad ke 19M.

Laporan kependudukan negeri Terengganu 2010 merekodkan 2.4% atau seramai 27,900 penduduk Cina daripada keseluruhan penduduk negeri Terengganu.<sup>16</sup> Meskipun peratusan ini relatifnya kecil, namun masyarakat Cina merupakan kelompok kedua terbesar di negeri Terengganu. Masyarakat Cina seperti lazimnya tinggal di kawasan-kawasan bandar utama di negeri ini. Perangkaan penduduk negeri Terengganu 2010 menunjukkan taburan pendudukan masyarakat Cina di daerah-daerah negeri Terengganu.<sup>17</sup>

### Ilustrasi I



Berdasarkan taburan populasi masyarakat Cina di atas, didapati daerah-daerah yang sedang membangun menjadi tumpuan kerana wujudnya aktiviti ekonomi yang pesat seperti perindustrian dan perniagaan. Daerah Kuala Terengganu, Kemaman dan Dungun menunjukkan taburan yang tinggi berbanding dengan daerah-daerah lain meskipun bilangan masyarakat Cina di Terengganu adalah antara yang terkecil di seluruh negara. Justeru itu, pengaruh budaya Melayu dalam komuniti Cina di negeri Terengganu adalah unik kerana menerima asimilasi budaya Melayu yang kuat seperti jenis makanan, dialek negeri Terengganu dan pakaian Melayu seperti kain pelikat dan baju kurung berbanding dengan komuniti Cina di negeri lain yang mempunyai populasi komuniti Cina yang lebih besar.<sup>18</sup> Data yang diperolehi berkaitan jumlah penduduk Cina di Terengganu antara tahun 2006-2010 dijelaskan di dalam jadual di bawah:

**Jadual 1: Komuniti Cina 2006-2010 di Negeri Terengganu<sup>19</sup>**

| Tahun | Jumlah | Peratus | Jumlah Penduduk Terengganu |
|-------|--------|---------|----------------------------|
| 2006  | 26700  | 2.8     | 962 000                    |
| 2007  | 27000  | 2.77    | 973 900                    |
| 2008  | 27200  | 2.76    | 986 300                    |
| 2009  | 27600  | 2.76    | 999 300                    |
| 2010  | 26400  | 2.59    | 1017 200                   |

Jadual 1 di atas memaparkan jumlah, peratusan penduduk masyarakat Cina dan keseluruhan penduduk negeri Terengganu dari tahun 2006 sehingga 2010. Meskipun jumlah penduduk negeri Terengganu semakin meningkat sehingga melebihi 1 juta dalam tempoh tersebut, namun didapati jumlah penduduk masyarakat Cina pula menurun. Faktor penghijrahan untuk mencari rezeki dalam kalangan penduduk Terengganu ke negeri Selangor telah menyebabkan hal ini berlaku seterusnya kadar pendaftaran di negeri ini juga menurun.<sup>20</sup> Hujah ini dikuatkan lagi oleh Tan Yao Sua yang menyebut bahawa belia-belia Cina di Terengganu telah memilih untuk berhijrah ke negeri lain untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan pendidikan yang lebih luas.<sup>21</sup>

### **Masyarakat Cina dan Sistem Keagamaan**

Di Malaysia ‘Agama Cina’ merujuk kepada *Baishen*, iaitu pemujaan dewa dan *Baifo* yang membawa maksud penyembahan Buddha.<sup>22</sup> Masyarakat Cina yang beragama Cina boleh dirangkumkan dalam tiga agama, iaitu Buddha, Taoisme dan Confucianisme. Justeru itu, boleh dianggap bahawa ajaran Buddha, Taoisme dan Confucianisme melatari sistem kepercayaan masyarakat Cina di Malaysia. Dari sisi yang lain pula, sistem kepercayaan ini, iaitu ‘Agama

Cina' atau *Chinese Religion* boleh merujuk kepada warisan agama yang dibawa dari Tanah Besar China. Kesan pergaulan dan persekitaran hidup yang dialami oleh individu komuniti Cina telah melunturkan pegangan agama ini dan berlakulah pemelukan agama lain yang bukan lagi bercirikan kehidupan tradisi masyarakat Cina asal. Fenomena ini menjelaskan latar belakang realiti yang berlaku terhadap agama tradisi masyarakat Cina di Malaysia termasuklah di negeri Terengganu.

Di negeri Terengganu, bidang pekerjaan dan pendidikan banyak dipengaruhi oleh ajaran Confucius dalam kehidupan masyarakat Cina.<sup>23</sup> Dalam aspek pekerjaan, ketenteraman hidup dan kekayaan menjadi inti pati pegangan masyarakat Cina Terengganu berteraskan kepada inti pati ajaran Confucius. Manakala dalam lapangan pendidikan pula, ajaran Confucius yang menekankan nilai kehidupan seperti berkasih sayang, hubungan yang baik antara anak dengan ibu bapa, adik dengan abang dan rakan taulan diterapkan di Sekolah Kebangsaan Chung Hwai Wei Seng di Kuala Terengganu. Di samping itu, pemujaan nenek moyang dan orang yang telah meninggal sebagai satu amalan yang menjadi simbol penghormatan juga merupakan ajaran Confucius.<sup>24</sup> Namun berdasarkan pemerhatian, tiada pertubuhan atau persatuan yang menggerakkan ajaran ini secara formal. Kemungkinan besar kerana ajaran ini lebih bersifat falsafah etika, maka masyarakat Cina tidak menzahirkan ajaran ini dalam bentuk ibadat atau ritual khusus, sebaliknya dizahirkan melalui amalan kehidupan sehari-hari.

Justeru itu, ajaran Confucius tidak diangkat sebagai sebuah agama sebagaimana agama-agama lain yang ada di negeri ini. Dari aspek dasar ajaran ini juga dimaklumkan bahawa ajaran Confucius merupakan sistem etika dan falsafah seperti yang dibawa oleh Confucius dan pengikutnya, ia bukan sebuah agama.<sup>25</sup> Biar pun demikian, ajaran Confucius diterima sebagai satu sistem etika yang berhubung erat dengan 'Agama Cina.' Tambahan pula sistem etika dalam agama Buddha dan Taoisme adalah terhad dan tidak koheren telah menjadikan ajaran Confucius diberi keutamaan dalam kehidupan masyarakat Cina.

Dalam tradisi masyarakat Cina juga, agama dan etika adalah dua perkara yang berbeza. Maka tidak menjadi perkara yang pelik apabila masyarakat Cina di Terengganu memahami dan menghayati falsafah daripada ajaran Confucius dalam hal ehwal pendidikan. Hasilnya penerapan nilai-nilai mulia seperti menghormati warga emas, memelihara hubungan kekeluargaan seperti ibu bapa dan adik-beradik bermula sejak di bangku sekolah rendah lagi. Apabila diajukan persoalan berkaitan amalan beragama sebelum memeluk Islam dalam kalangan Cina Muslim, ternyata responden tidak membicarakan aspek-aspek ajaran Confucius, sebaliknya mereka lebih banyak terdedah dengan aspek-aspek yang terdapat dalam agama Buddha dan Taoisme. Oleh yang demikian, hal ini menunjukkan bahawa ajaran Confucius tidak mempunyai ritual-ritual khusus seperti yang terdapat dalam agama Buddha

dan Taoisme.

'Buddisme Cina' yang terdapat di Malaysia pula bukanlah satu sistem agama yang bebas.<sup>26</sup> Meskipun begitu, Buddha merupakan agama yang mempunyai kredibiliti yang tinggi dalam memberi pengaruh kepada kehidupan orang Cina di Malaysia. Begitulah juga agama Buddha di Terengganu telah dibawa oleh masyarakat Cina yang berhijrah dari Tanah Besar Cina. Secara lebih khusus, agama Buddha yang menjadi pegangan masyarakat Cina di Terengganu adalah campuran Buddha Mahayana-Theraveda. Oleh itu, Persatuan Buddha Terengganu menjadi pusat rujukan utama kepada masyarakat Cina untuk mendalami ajaran agama Buddha.

Temu bual yang dijalankan pengkaji terhadap responden, iaitu seorang presiden Persatuan Buddha Terengganu mendapati terdapat tiga asas pengajaran agama Buddha yang diberi perhatian di negeri ini. Pertama ialah ajaran *Dana*, iaitu amalan bersedekah, keduanya ialah ajaran berkaitan Sila yang mempunyai lima peraturan yang melibatkan larangan membunuh, larangan mencuri, larangan melakukan perbuatan tidak bermoral kepada ahli keluarga, larangan bercakap bohong dan merosakkan jasmani seperti minum arak dan mengambil dadah. Ajaran Bhavana adalah asas ajaran yang ketiga bertujuan mengajar penganut agama ini mengosongkan minda melalui meditasi bagi tujuan menghapuskan unsur-unsur negatif di dalam minda. Terdapat dua lagi persatuan Buddha yang turut sama mempromosikan pengajaran agama Buddha dalam kalangan masyarakat Cina, iaitu Persatuan Buddhist Vihara dan Persatuan Nichiren Buddhisme. Meskipun pengajaran agama Buddha daripada persatuan ini berkongsi matlamat yang sama, iaitu membina ketaatan kepada ajaran agama, namun tatacara ritual yang diamalkan oleh setiap persatuan ini adalah berbeza-beza.

Menurut responden lagi, Persatuan Buddha Terengganu adalah yang terbesar di Terengganu dengan keahlian melebihi 2000 orang di Kuala Terengganu sahaja. Lokasi persatuan ini terletak di Jalan Syed Zain di Kuala Terengganu manakala di daerah lain pula ialah cawangan Kemaman, Paka, Dungun dan Jerneh. Di Marang, Persatuan Nichiren Buddhisme berada di Wakaf Tapai dan di Air Jernih, Kuala Terengganu pula terletakinya Persatuan Buddha Vihara Terengganu.<sup>27</sup>

Berdasarkan konteks ajaran Buddha, unsur dan elemen tradisi Cina disenyawakan sekali.<sup>28</sup> Bukan sekadar tradisi budaya Cina sahaja yang dicelup dalam ritual ajaran Buddha, malah masyarakat Cina di negeri ini juga menerima pengaruh unsur-unsur Buddha Theraveda yang dibawa oleh sami-sami dari Thailand. Oleh kerana upacara keagamaan Buddha dijalankan mengikut keperluan, maka ritual yang berbeza di antara aliran Mahayana dan Theraveda dapat dilaksanakan tanpa sebarang masalah. Di samping itu, tonggak pengajaran Buddha juga ialah *Dharma*. Ajaran ini giat dipromosikan oleh Persatuan Buddha Terengganu dengan memberi galakan kepada penganut Buddha agar membiasakan diri dengan ajaran Buddha, memupuk hubungan



baik antara kaum menerusi media pendidikan serta mengajak masyarakat awam mengamalkan hidup yang sihat. Bagi tujuan ini, persatuan ini menggerakkan aktiviti pengajaran pendidikan moral kepada kanak-kanak melalui kelas tadika, menganjurkan upacara perkahwinan dan pengurusan rumah tangga dengan bimbingan sami, membuka kelas Dharma bagi penganut Buddha, kem bahasa Inggeris dan kem pengajian Buddha. Tadika yang dikelolakan oleh Persatuan Buddha ini juga diikuti oleh bangsa Melayu untuk mempelajari Bahasa Mandarin sebelum melanjutkan pelajaran ke sekolah beraliran Cina.<sup>29</sup>

Bersandarkan kepada kenyataan di atas dan pemerhatian pengkaji sendiri semasa turut serta di kompleks Persatuan Buddha Terengganu, pengajaran Buddha tidaklah rigid dan ketat tetapi bersifat anjal dan disesuaikan dengan kategori penganutnya. Jumlah keahlian seramai 2000 dalam Persatuan Buddha Terengganu ini dianggap kecil berbanding dengan jumlah keseluruhan masyarakat Cina yang tinggal di kawasan Kuala Terengganu sudah tentu memberi cabaran yang besar kepada penggerak persatuan ini untuk menarik minat masyarakat Cina kepada agama Buddha. Ditambah pula dasar kerajaan yang tidak membenarkan kuil Buddha didirikan kerana kapasitinya tidak mencukupi menyebabkan masyarakat Cina tertumpu kepada kuil Taoisme yang bertebaran di negeri Terengganu dengan usia yang menjangkau ratusan tahun.<sup>30</sup>

Agama Taoisme yang adalah istilah yang mengelirukan kerana di dalam kepercayaan ini dipercayai mempunyai dua sistem, falsafah dan agama. Perkataan *Dao*<sup>31</sup> sering dirujuk kepada makna jalan (*way*) yang menghubungkan antara manusia dan alam semesta.<sup>32</sup> Amalan ritual Taoisme dipercayai memberi kesan positif, iaitu memberi kebaikan dan kejayaan hidup meskipun dari sudut pegangan, masyarakat Cina tidak berpegang dengan falsafah Tao secara syumul.<sup>33</sup> Begitu juga dengan amalan menolak bala roh-roh jahat, menghormati warga emas, berbakti kepada orang tua, mengelak pertelingkahan dan tidak mengganggu serta menyakiti orang lain. Selain itu, kelaziman yang masyarakat Cina yang berpegang dengan ajaran Tao ini ialah berpakaian dengan pakaian berbagai warna, memakai topeng yang bermacam ukiran semasa sesuatu upacara tarian diadakan. Jika ditelusuri dengan lebih rapi, ternyata sekali bahawa masyarakat Cina di negeri Terengganu telah cukup lama berpegang dengan ajaran-ajaran Tao dengan melihat kewujudan kuil-kuil lama yang berasaskan ajaran Tao dengan usia yang menjangkau ratusan tahun. Dari aspek ritual khusus, ajaran Taoisme tertumpu kepada penyembahan dewa-dewa dan pahlawan. Biarpun kuil-kuil ibadat Taoisme mempunyai bilangan yang banyak di Terengganu,<sup>34</sup> tetapi tiada didapati sebuah pertubuhan atau persatuan Taoisme ditubuhkan secara khusus di negeri ini. Bilangan kuil ibadat Taoisme adalah lebih banyak dan berusia berbanding dengan kuil-kuil Buddha yang terdapat di seluruh negeri Terengganu.<sup>35</sup>

Dari segi pengurusan, kuil-kuil Taoisme diuruskan oleh Persatuan-Persatuan Etnik Cina.<sup>36</sup> Contohnya kuil Tian Hou Gong diuruskan oleh

Persatuan Hainan Terengganu manakala kuil He An Gong diuruskan oleh Persatuan Hokkien Terengganu. Kewujudan kuil-kuil Taoisme yang melebihi kuil Buddha sering kali mengundang kekeliruan dalam kalangan masyarakat Cina sendiri, masyarakat setempat daripada komuniti bukan Cina dan juga pihak kerajaan negeri. Oleh kerana dana yang disalurkan oleh kerajaan negeri kepada rumah ibadat berdasarkan bilangannya, maka kuil Taoisme menerima lebih banyak peruntukan berbanding dengan kuil Buddha yang kecil sahaja bilangannya meskipun jumlah keahlian dan penganut agama Buddha adalah lebih tinggi.<sup>37</sup>

Unsur-unsur tahyul, sihir dan menilik nasib yang dimasukkan dalam sistem beragama menyebabkan ajaran Taoisme dan Buddha sukar untuk dibezakan.<sup>38</sup> Lebih jauh dari itu, percampuran elemen-elemen lain yang bukan daripada ajaran Buddha juga terdapat dalam amalan Taoisme. Terdapat dalam masyarakat Cina yang melakukan adaptasi pemujaan dengan menerapkan unsur tahyul dan khurafat seperti dalam masyarakat Melayu dengan mempercayai adanya penunggu, hantu jembalang, keramat dan sebagainya.<sup>39</sup>

Fenomena ini secara sedar atau tidak, di Terengganu masyarakat Cina telah mengamalkan ajaran Taoisme seperti menghormati orang tua, mengurus upacara kematian dan mempercayai kewujudan dewa.<sup>40</sup> Meskipun kebanyakan mereka mengakui berpegang dengan agama Buddha, tetapi elemen-elemen yang digarap daripada ajaran Taoisme masih diamalkan dalam kehidupan mereka. Perkara-perkara tahyul ini bukan sahaja dibawa daripada Tanah Besar Cina sahaja bahkan telah ditokok tambah sendiri oleh penganut ajaran ini mengikut kehendak mereka. Ringkasnya masyarakat Cina Taoisme Terengganu melakukan adaptasi dalam amalan mereka yang melibatkan unsur-unsur tahyul kerana pengaruh persekitaran Masyarakat Melayu setempat.

Satu lagi amalan ritual yang berkembang dalam sistem agama orang Cina ialah upacara 'penyembahan nenek moyang'. Selain daripada itu, ritual yang dikenali 'penyembahan nenek moyang' pada hari ini telah berkembang menjadi suatu sistem agama yang tersendiri. Walaupun jika dilihat sekilas pandang amalan ini berorientasikan keharmonian keluarga, hakikatnya penyembahan nenek moyang bukan diasaskan oleh Confucius.<sup>41</sup> Dalam amalan ritual ini, orang tua yang telah meninggal itu disembah kerana wujudnya pertalian dalam silsilah keluarga. Lazimnya upacara bergabung mengambil masa selama 100 hari dilakukan oleh ahli keluarga dengan mengikat secebis kain di lengan mengikat statusnya di dalam keluarga berkenaan.

Perayaan yang dikenali sebagai *Ching Ming* adalah satu bentuk ritual yang dilakukan untuk memperingati nenek moyang dan saudara mara yang telah meninggal dunia. Pelaksanaan ritual ini menggunakan satu ruang khusus di dalam rumah. Amalan menyembah "Datuk" juga dilakukan oleh masyarakat Cina Terengganu. Bagi melengkapkan upacara ini, sebuah rumah kecil berwarna merah didirikan dan hidangan buah-buahan dan makanan diletakkan padanya. Bagi memastikan upacara ini berjalan lancar, persatuan-

persatuan berteraskan kematian banyak ditubuhkan dalam masyarakat Cina Terengganu.<sup>42</sup> Pengkaji telah mencatatkan secara verbatim pengalaman seorang responden pra konversi yang berasal dari penganut agama Buddha menceritakan upacara penyembahan ketika urusan pengebumian seperti di bawah:

*“Kalau emak saya mati saya pergi... tapi orang Melayu tidak beri (tidak bagi) pergi.. bila saya pergi saudara mara memang ramai.. dia pun masing-masing mari duduk dekat saya dia tanya boleh pergi mari (datang). saya kata boleh mari cuma syaratnya, satu tak boleh pergi sembahyang..lepas itu waktu pergi kubur.. saya boleh pergi kubur .. lepas itukan ia kena lingkung (keliling) semua .. lepas itu saya pergi tengok bila waktu turun mayat tuu. Lepas itu.. bila nak tanam dia kata kena kepal tanah, yang tu dari segi dia punya adat saya pun confuse takut ada unsur agama sebab dia ada sembah ..sebut dia lepor (lontar) pertama dia ada sebut begini-begini.. saya pun kata tak boleh hak ni... adat orang Cina pergi kat mayat tuu kena menangis, kena paksa menangis jadi perkara tu wajib... saya kata dalam Islam perkara ini tak boleh menangis... Bila saya begitu dia (keluarga bukan Muslim) pun senyap lah tak kata apa-apalahh... Memang pada masa tu segelintir saudara mara pandang saya serong...tapi macam adik beradik datang ke marilah buat dengan kita apa semua ... Lepas itu ayah saya bila mak saya mati tuu..saya adalah dia kata ini boleh makan dan ini ni tak boleh makan macam air, kuih ... lepas itu masa gali kubur tu orang ada ah khabar ni kena pakai...lepas itu saya kata ni keagamaan.. saya kata ni tak boleh pakai .. Cuma saya kata ok sebagai nak menghormati saya pakai jugaklah tali hak ikat warna merah... dicucuk dengan jarum.” (Resp # (Hokkien)).<sup>43</sup>*

Catatan ini menjelaskan situasi yang berlaku semasa upacara pengebumian salah seorang ahli keluarga yang meninggal dunia. Sesungguhnya, meskipun masyarakat Cina adalah penganut agama Buddha, gabungan pelbagai amalan dalam kehidupan beragama masyarakat Cina Terengganu berlaku seperti memakai pakaian beraneka warna dan mengikat kain pada lengan semasa upacara pengebumian diterima sebagai satu amalan beragama. Mending si mati pula akan dimakamkan di satu lokasi perkuburan yang khusus walaupun tidak jelas pegangan agamanya sebagai tanda peringatan daripada ahli keluarga. Penyembahan roh si mati juga turut membentuk falsafah keagamaan masyarakat Cina di Terengganu. Tujuan upacara ini dilaksanakan juga kerana roh si mati dianggap dapat menjadi pelindung dan dalam masa yang sama upacara ini menjadi satu manifestasi penghormatan kepada nenek moyang.

## Penukaran Agama

Di Malaysia, komuniti Cina terkenal sebagai satu etnik yang mempunyai pelbagai kepercayaan agama selain agama warisan, iaitu 'Agama Cina' yang telah dibincangkan sebelum ini. Namun, ramai dalam kalangan komuniti Cina di Malaysia tidak lagi berpegang kepada kepercayaan yang diwarisi dari Tanah Besar China kerana menganut agama Kristian dan Islam. Terdapat beberapa faktor yang mendorong komuniti Cina melakukan penukaran agama antaranya kerana pergaulan, perkahwinan, pengkajian dan dorongan daripada ahli keluarga yang telah awal melakukan penukaran agama. Biarpun begitu, faktor pergaulan dengan rakan yang berbeza agama menjadi utama bagi komuniti Cina menganut agama Kristian atau Islam.<sup>44</sup> Pada tahun 2000, dianggarkan sebanyak 26% komuniti Cina yang berdaftar sebagai penganut agama Kristian.<sup>45</sup> Manakala di Terengganu pula, penganut Kristian dari kalangan masyarakat Cina adalah seramai 2641, iaitu 0.3% daripada jumlah keseluruhan penganut agama Kristian di Malaysia. Komuniti Kristian di Terengganu pula merupakan keturunan masyarakat Kristian yang telah lama menetap di negeri Terengganu.

Komuniti Kristian ini merupakan golongan yang melakukan penghijrahan kerana kesusahan hidup dengan banyak bergantung kepada bantuan kebajikan dan situasi semasa menunjukkan sebahagian kecil masyarakat Cina yang berasal dari negeri ini memeluk Kristian.<sup>46</sup> Berdasarkan catatan sejarah, penyebaran agama Kristian kepada masyarakat Cina di Kuala Terengganu telah bermula pada tahun 1828 oleh seorang mubaligh Kristian yang bernama M. Medhurst.<sup>47</sup>

Usaha kristianisasi dalam kalangan individu bukan Muslim berjaya bertapak di negeri Terengganu khususnya di kawasan bandar, iaitu lokasi yang banyak didiami oleh komuniti Cina. Terdapat 10 buah rumah ibadat Kristian yang wujud di Kuala Terengganu dan kebanyakan rumah ibadah Kristian dibina dengan menyewa rumah-rumah kedai di kawasan bandar. Di negeri Terengganu, gereja yang tertua didirikan pada tahun 1963 oleh An Li Xun dan Lu Tian Liang dan dikenali sebagai *Terengganu Presbyterian Church*.<sup>48</sup> Rumah ibadat Kristian yang didirikan di lot-lot kedai ini tidak dinamakan gereja, tetapi dipanggil *Parish*.<sup>49</sup> Satu-satunya gereja yang terdapat di negeri Terengganu ialah gereja yang telah disebutkan tadi dan terletak di Jalan Air Jernih, Kuala Terengganu. Pada tahun 2001, dianggarkan etnik Cina yang menganut agama Kristian di Kuala Terengganu ialah seramai 400 sahaja.<sup>50</sup>

Pada tahun 2013, populasi penganut Kristian dalam kalangan etnik Cina telah meningkat sekali ganda, iaitu seramai 800 orang. Oleh kerana penyebaran Kristian adalah satu kesalahan ke atas masyarakat Muslim di Terengganu, Persatuan Kristian menghadapi cabaran untuk menyampaikan ajaran Kristian kepada masyarakat Melayu Muslim. Bahkan pihak Pejabat Agama Islam Negeri telah mengenakan peraturan larangan komuniti Islam

Melayu memasuki premis ibadah Kristian.<sup>51</sup>

Berdasarkan penjelasan di atas, tindakan mubaligh Kristian mendirikan rumah ibadat mereka di kawasan bandar adalah tindakan yang tepat dengan menyasarkan masyarakat Cina untuk menerima agama Kristian. Persatuan Kristian Terengganu memfokuskan bidang pendidikan, kerjaya dan akademik. Bagi mencapai maksud ini, persatuan telah membina pusat-pusat asuhan kanak-kanak, kelas pengajian agama yang diadakan pada setiap hari khamis dan ahad, kelas *children ministry* dan *student ministry*.

Satu ciri unik yang ada pada masyarakat Cina Terengganu yang telah memeluk Kristian ialah mereka tetap mengekalkan identiti dan jati diri sebagai etnik Cina. Seheinggakan sukar untuk melihat perbezaan yang jelas dari aspek gaya hidup, adat dan budaya pada masa sebelum dan selepas melakukan pemelukan agama Kristian.

Identiti sebagai penganut agama Kristian Protestant dalam kalangan etnik Cina boleh dikenali melalui lambang salib yang dipakai atau digantung di pintu utama rumah. Manakala sebagai penganut agama Kristian Katolik pula menjadikan potret atau patung Jesus pada pintu masuk utama kediaman. Proses pertukaran agama dalam kalangan masyarakat Cina sudah mengalami kesuraman kebelakangan ini kerana dilihat tiada keperluan mendesak untuk menukar agama sebagaimana pada waktu yang lalu. Bagi menggerakkan persatuan supaya terus aktif, maka Persatuan Kristian Terengganu telah memberi perhatian kepada kerja-kerja yang bersifat sosial dan amal kebajikan seperti menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.<sup>52</sup>

Oleh kerana latar sosial yang berlainan, maka didapati bahawa penukaran agama Kristian dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Pantai Barat dan Pantai Timur mempunyai pola yang berbeza, khasnya Masyarakat Cina di Terengganu sudah cukup selesa dengan kehidupan di sini.<sup>53</sup> Manakala masyarakat Cina di Pantai Barat mempunyai cabaran hidup yang lebih tinggi menyebabkan berlaku penukaran agama Kristian atas desakan hidup. Di Terengganu, Persatuan Kristian juga tidak dibenarkan untuk mempamerkan simbol agama Kristian seperti salib dan papan tanda gereja secara bebas, manakala permohonan lot tanah dengan maksud membina gereja tidak mendapat kelulusan pihak kerajaan negeri. Walaupun agama Kristian telah bertapak semenjak 80 tahun yang lalu di negeri ini, proses penyebarannya adalah sangat perlahan. Justeru itu, kewujudan rumah ibadat Kristian di kawasan-kawasan bandar di negeri Terengganu menunjukkan semangat para mubaligh Kristian begitu komited untuk menarik masyarakat Cina mendekati agama Kristian.

Masyarakat Cina di Terengganu juga melakukan penukaran agama kepada agama Islam selain mewarisi agama asal daripada Tanah Besar China dan agama Kristian. Hal ini kemungkinan besar kerana majoriti penduduk negeri Terengganu, iaitu 95% adalah masyarakat Melayu yang beragama

Islam telah memberikan kesan tersendiri kepada masyarakat bukan Islam. Rekod yang dirujuk pada tahun 2000-2011 berkaitan pemeluk agama Islam di negeri Terengganu menunjukkan seramai 309 orang atau 53% adalah dari kalangan komuniti Cina.<sup>54</sup> Semakan terhadap data-data ini juga merekodkan bahawa sebahagian besar daripada masyarakat Cina yang memeluk Islam ini berasal daripada agama Buddha.

Dua faktor utama yang membuka ruang kepada masyarakat Cina untuk mendekati Islam kerana tatacara kehidupan masyarakat Islam dan pentadbiran kerajaan negeri Terengganu yang memberi keutamaan kepada soal-soal agama. Seterusnya mendorong komuniti Cina untuk memeluk Islam dan mendalami ajaran tersebut.<sup>55</sup> Dari aspek pentadbiran, kerajaan negeri Terengganu telah menyelenggarakan satu badan dakwah di samping dua lagi badan dakwah NGO yang berfungsi menguruskan pembangunan dan penambahbaikan agama Islam dalam komuniti Cina Muslim. MAIDAM atau Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Terengganu adalah badan kerajaan yang tunggal berperanan dalam menguruskan dan memastikan hal ehwal Islam di Terengganu berjalan dengan betul termasuklah urusan hal ehwal saudara baru<sup>56</sup> yang majoritinya ialah komuniti Cina. Organisasi badan ini meletakkan dua jawatan kuasa, iaitu Jawatankuasa Kegiatan Hal Ehwal Islam dan Jawatankuasa Temu duga Pendakwah bagi menguruskan hal ehwal saudara baru di negeri Terengganu. Perancangan dan pelaksanaan program yang melibatkan dakwah pendidikan, penyelidikan, pembangunan rohaniah, akhlak dan pembinaan insan dilakukan di bawah Jawatankuasa Kegiatan Hal Ehwal Islam. Manakala proses pemilihan calon pendakwah untuk menyebarkan Islam dan menyediakan latihan kepada mereka diuruskan oleh Jawatankuasa Temu duga Pendakwah. Pendakwah yang dicalonkan ini berperanan untuk menyebarkan agama Islam dan memberi latihan kepada golongan saudara baru. Bagi urusan saudara baru, MAIDAM telah ditadbir oleh Pusat Latihan Saudara Baru di Kompleks Darul Hidayah yang berada di Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu.<sup>57</sup>

NGO seperti Persatuan Darul Fitrah negeri Terengganu berperanan untuk menjaga kebajikan saudara baru di negeri Terengganu. Sebagai badan dakwah, NGO ini juga berfungsi untuk merapatkan hubungan dan menyatukan komuniti Muslim dengan saudara baru melalui program-program bersama masyarakat. NGO ini juga merupakan persatuan yang berasaskan kerja sukarela, berdaftar sebagai NGO oleh sekumpulan saudara baru dan tenaga profesional. Visi utama NGO ini ialah menyampaikan khidmat bakti melalui kaunseling, pendidikan dan dakwah kepada saudara baru dengan tujuan untuk memantapkan keimanan dan keyakinan terhadap Islam menerusi pengajaran pelbagai program dan aktiviti yang disusun rapi.<sup>58</sup>

*Malaysia Chinese Muslim Association (MACMA)* Terengganu pula ialah NGO dakwah yang mula ditubuhkan pada tahun 1995 oleh Encik Jaafar

Ng bin Abdullah dengan keahlian seramai 41 orang sahaja. Dalam tempoh dua tahun sahaja, jumlah keahlian persatuan ini meningkat kepada 300 orang ahli pada tahun 1997.<sup>59</sup> NGO ini memberi perhatian kepada masyarakat Cina Muslim secara khusus. Oleh yang demikian, objektif utama NGO ini ialah untuk merapatkan jurang antara masyarakat Cina Muslim dengan masyarakat Islam yang lain, menjaga kebajikan mereka dan memelihara kelangsungan adat dan budaya dalam kalangan masyarakat Cina. Namun begitu, NGO ini juga melibatkan komuniti bukan Islam yang terdiri daripada bangsa selain Cina dalam program yang dianjurkan. Pada masa sekarang, Norhana Ng Abdullah ialah pengerusi *Malaysia Chinese Muslim Association* (MACMA) Terengganu. Oleh kerana dalam masa yang sama Norhana Ng Abdullah juga menjadi pengerusi Persatuan Darul Fitrah Terengganu dan MACMA Terengganu, maka apabila aktiviti daripada kedua NGO ini banyak dilakukan di ibu pejabat yang sama bertempat di 1634 K & L, Taman Had, Jalan Ibrahim, Bukit Besar 21100 Kuala Terengganu.<sup>60</sup>

NGO (PERKIM) yang seterusnya merupakan singkatan kepada Persatuan Kebajikan Islam Malaysia yang terdapat di seluruh negara. Di Terengganu, cawangannya berada di Kuala Terengganu, iaitu di Kampung Bukit Kecil. Di samping itu, cawangan PERKIM juga terdapat di seluruh daerah negeri Terengganu. PERKIM Bahagian negeri Terengganu terletak di kompleks MDM, Marang, Terengganu. PERKIM Bahagian negeri Terengganu telah dilancarkan penubuhannya pada 14 Mac 1975 bersamaan 1 Jamadilawal 1394 H. Objektif PERKIM secara umumnya ialah dakwah Islamiyyah, pendidikan, kebajikan, kerjasama dalam bidang agama Islam kepada saudara baru tanpa mengira latar belakang bangsa dan warga negara. Bagi menguruskan hal ehwal dan kebajikan saudara baru, PERKIM akan memastikan saudara baru mendapat perlindungan dan keselamatan daripada ancaman keluarga dan orang luar, memastikan saudara baru mendapat pendidikan ilmu fardu ‘ain dan Al-Quran, menyediakan bengkel kemahiran jahitan untuk Saudara Kita, melakukan kegiatan dakwah untuk Orang Asli dan; menjalankan program-program yang berkaitan aktiviti mengeratkan hubungan silaturahim Saudara Kita dan juga masyarakat Orang Asli.<sup>61</sup> Meskipun badan-badan dakwah ini bergerak di bawah pengurusan yang berlainan, aspirasi dan hala tuju badan-badan ini adalah sama, iaitu cakna dan prihatin kepada saudara baru yang melakukan pemelukan agama Islam di negeri Terengganu. Oleh yang demikian, banyak program-program yang dijalankan untuk saudara baru di negeri Terengganu lebih banyak dijalankan secara sinergi dan kerjasama antara badan dakwah NGO. Program-program yang dilakukan yang berkaitan dengan komuniti Cina ialah dialog keharmonian antara agama, malam Tautan Kasih, Sambutan Tahun Baru Cina, program mengenal budaya, ‘Mosque Tour’ dan sambutan hari kebesaran Islam.

Berdasarkan sorotan ini, Kuala Terengganu dilihat berperanan sebagai pusat diaspora keagamaan bagi komuniti Cina. Hal ini adalah kerana, hampir sebahagian besar daripada masyarakat Cina negeri Terengganu tinggal di daerah Kuala Terengganu yang terdiri daripada pelbagai suku, latar belakang pendidikan dan sosio-ekonomi sekali gus menjadikan ibu kota ini sebagai pusat keagamaan bagi komuniti Cina.

Kewujudan rumah ibadat yang berusia ratusan tahun sangat sesuai untuk negeri Terengganu dijadikan tapak kajian awal berhubung dengan sejarah masyarakat Cina dan anutan agama mereka. Ditambah pula terdapatnya pelbagai persatuan agama seperti persatuan Buddha, Kristian dan NGO Islam menjadikan masyarakat Cina di negeri Terengganu yang memberi perkhidmatan kepada kelompok agama masing-masing secara harmoni dan damai.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, di Kuala Terengganu terdapat dua kelompok masyarakat Cina. Kelompok yang pertama ialah kelompok yang masih berpegang dengan agama tradisi yang dibawa dari Tanah Besar Cina dengan melakukan penyesuaian dengan persekitaran masyarakat setempat. Ajaran Buddha dan Taoisme diamalkan secara bersepadu malah dilakukan juga penambahan amalan dalam upacara keagamaan dengan unsur-unsur yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya amalan-amalan khurafat dan tahyul.

Kelompok kedua pula ialah masyarakat Cina yang melakukan konversi agama kepada agama baharu seperti Kristian dan Islam. Kristianisasi yang dijayakan dengan proses misionari yang telah bermula semenjak ratusan tahun dapat membawa masuk ramai daripada komuniti Cina untuk memeluk Kristian. Para mubaligh Kristian yang terdiri daripada bangsa Cina telah mendirikan *Parish* di kawasan-kawasan bandar dengan tujuan untuk mendekati masyarakat Cina dengan agama Kristian. Hubungan sosial dengan masyarakat tempatan yang beragama Islam menjadi sebab kepada pemeluk Islam dalam kalangan komuniti Cina. Ringkasnya, perkembangan agama masyarakat Cina di Terengganu banyak didokong oleh pertubuhan-pertubuhan agama dan juga rumah ibadah.

## Nota Akhir

1. Alisan Angela, Pengaruh Diaspora India Terhadap Hubungan Bilateral India-Malaysia. *Jurnal Hubungan Internasional*, 2020, hlm. 1-22.
2. Syaifa Tania, Massageng Widagdhaprasana, Mashita Phitaloka Fandia Purwaningtyas, Maulin Niam. Pemuda, Diaspora Dan Penggunaan Media Baru Dalam Gerakan Sosial Sabangmerauke. *Jurnal Ilmu*



- Komunikasi* 2019, hlm. 69-82.
3. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi KUSTEM, *Warisan Terengganu*.
  4. Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 1974.
  5. Alcoh Wong Yaho, *Catatan Mengenai Terengganu Dalam Sejarah Negara China Dan Penempatan Awal Komuniti Cina Di Terengganu*, 2001.
  6. Cheong Meng Ngai. *Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940)*, Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991.
  7. Abdul Wahid Jais & Faezah Kassim, *Unsur-Unsur Kepercayaan Orang Melayu Dalam Kepercayaan Orang Cina: Satu Kajian Awal dalam Islam Dan Kefahaman-Kefahaman Agama*, 2001, hlm. 41-63.
  8. Purcell, V., *The Chinese in Southeast Asia*. London: OUP, 1965.
  9. Lamat Jusoh, Komuniti China di Kuala Terengganu. *Jurnal Sejarah Universiti Malaya*, (1975/76).
  10. Dunmore, J. French Visitors to Terengganu in the Eighteenth Century, *JMBRAS*, 1973, hlm. 46-47.
  11. Muhammad Yusoff Hashim, *Terengganu Darul Iman, Tradisi Persejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 1991.
  12. Abdullah Munshi, *Kisah Pelayaran Abdullah*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1960.
  13. Muhammad Yusoff Hashim, *Terengganu Darul Iman, Tradisi Persejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 1991.
  14. Kim, Khoo Kay, *The Emergence of Plural Communities in the Malay Peninsula before 1874*, Petaling Jaya, MiDAS & SIRD, 2009.
  15. Mohamad Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud, *Dirgahayu Tuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu, Yayasan Sultan Mizan, 2009.
  16. Bancian Jabatan Perangkaan Malaysia, *Bancian Penduduk Negeri Terengganu*, 2010.
  17. Ibid.
  18. Tan Yao Sua, Thock Ker Pong, Kamarudin Ngah & Goh Soo Khoon, Maintenance and propagation of Chinese culture in a Malay state: the roles of the Chinese associations in Kuala Terengganu, *Asian Ethnicity*, 2012, hlm. 441-67.
  19. Bancian Jabatan Perangkaan Malaysia, *Bancian Penduduk Negeri Terengganu*, 2010.
  20. Rahmah Ismail, *Pembangunan Ekonomi Negeri Terengganu*, UDM & Yayasan Di Raja Sultan Mizan, 2008.
  21. Tan Yao Sua, Thock Ker Pong, Kamarudin Ngah & Goh Soo Khoon,

- Maintenance and propagation of Chinese culture in a Malay state: the roles of the Chinese associations in Kuala Terengganu. *Asian Ethnicity*, 2012, hlm. 441-67.
22. Tan Chee Beng, Agama Cina di Malaysia: Satu Pandangan Umum, *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 2011, hlm. 77-98.
  23. Zheng, Yunus Ma Abdullah, *Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam*, Tesis Sarjana Universiti Malaya, 2001.
  24. Ann Wan Seng, *Biar Orang Cina Pimpin Islam*, Ampang, Mihas Grafik Sdn.Bhd, 2011.
  25. Tan Chee Beng, Agama Cina di Malaysia: Satu Pandangan Umum, *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 2011, hlm. 77-98.
  26. Ibid.
  27. Wong Choon Kheng, di pejabat Persatuan Buddha Terengganu, pada 23 Mac 2013.
  28. Ann Wan Seng, *Biar Orang Cina Pimpin Islam*, Ampang, Mihas Grafik Sdn.Bhd, 2011.
  29. Wong Choon Kheng, di pejabat Persatuan Buddha Terengganu, pada 23 Mac 2013.
  30. Ibid.
  31. Ejaan Dao dan Tao adalah dengan maksud yang sama, perbezaan 'D' dan 'T' itu hanya berdasarkan ejaan sebutan bahasa Cina (D) dan sebutan bahasa Melayu (T).
  32. Tan Chee Beng, Agama Cina di Malaysia: Satu Pandangan Umum, *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 2011, hlm. 77-98.
  33. Zheng, Yunus Ma Abdullah, *Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam*. Tesis Sarjana Universiti Malaya, 2001.
  34. Kuil-kuil ibadat Taoisme di negeri Terengganu seperti tokong Sam Poh Kong, Jeram, Hulu Nerus, Tokong Yong An Konglot, Rumah Berhala Thai Tze, Kampung Batu Lima, Dungun, Tokong Teck Choon Ong, Kampung Tirok di Serada.
  35. Cheong Meng Ngai, Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940), Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991.
  36. Tan Yao Sua, Thock Ker Pong, Kamarudin Ngah & Goh Soo Khoon. Maintenance and propagation of Chinese culture in a Malay state: the roles of the Chinese associations in Kuala Terengganu. *Asian Ethnicity*, 2012, hlm. 441-67.
  37. Wong Choon Kheng, di pejabat Persatuan Buddha Terengganu, pada 23 Mac 2013.
  38. Wang Gungwu, *Kebudayaan Cina*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Pustaka, 1978.

39. Abdul Wahid Jais & Faezah Kassim, *Unsur-Unsur Kepercayaan Orang Melayu Dalam Kepercayaan Orang Cina: Satu Kajian Awal dalam Islam Dan Kefahaman-Kefahaman Agama, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2001, hlm. 41-63.*
40. Wong Choon Kheng, di pejabat Persatuan Buddha Terengganu, pada 23 Mac 2013.
41. Tan Chee Beng, Agama Cina di Malaysia: Satu Pandangan Umum, *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 2011, hlm. 77-98.
42. Cheong Meng Ngai, *Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940)*, Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991.
43. Azarudin Bin Awang, *Kajian Pengalaman Dialog Kehidupan Masyarakat Cina Muslim Terengganu Sebelum dan Selepas Konversi Agama*. Tesis Phd. Universiti Malaya, 2015.
44. Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Dorongan Pemelukan Agama Islam dalam Kalangan Komuniti Minoriti di Sebuah Negeri Majoriti Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2014, hlm. 3-12.
45. Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan, Putrajaya, *Jabatan Statistik Malaysia*, 2000.
46. Stephen Chan Mung Koon, di Pastor St Andrew's Church, Kuala Terengganu, pada 20 Mac 2013.
47. Kim, Khoo Kay, *The Emergence of Plural Communities in the Malay Peninsula before 1874*, Petaling Jaya, MiDAS & SIRD, 2009.
48. Stephen Chan Mung Koon, di Pastor St Andrew's Church, Kuala Terengganu, pada 20 Mac 2013.
49. Ibid.
50. Zheng, Yunus Ma Abdullah, *Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam*, Tesis Sarjana Universiti Malaya, 2001.
51. Stephen Chan Mung Koon, di Pastor St Andrew's Church, Kuala Terengganu, pada 20 Mac 2013.
52. Pengkaji pernah dimaklumkan bahawa pihak Persatuan Kristian di Dungun ada menyediakan keperluan asas seperti gula, beras dan tepung kepada sesiapa yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama. Sumbangan ini dilihat mendapat sambutan dari kalangan orang Melayu Islam juga.
53. Ibid.
54. Bahagian Dakwah, *Pejabat Agama Negeri Terengganu*, 2012.
55. Norhana Ng Abdullah, di pejabat Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu, pada 12 Mac 2012.
56. Saudara baru merujuk kepada komuniti pelbagai bangsa dan warga negara yang baru memeluk Islam. Istilah ini juga merujuk kepada

- muallaf secara umum.
57. Abdul Halim Lim Abdul Rahman, bertempat di Kompleks Darul Hidayah, Kuala Terengganu, pada 25 November 2012.
  58. Norhana Ng Abdullah, di pejabat Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu, pada 12 Mac 2012.
  59. Zheng, Yunus Ma Abdullah, *Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam*, Tesis Sarjana Universiti Malaya, 2001.
  60. Norhana Ng Abdullah, di pejabat Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu, pada 12 Mac 2012.
  61. Mohd Sufri Jaafar, di pejabat PERKIM Terengganu, pada 12 April 2012.

## Rujukan

- Abdul Wahid Jais and Faezah Kassim. 2001. "Unsur-Unsur Kepercayaan Orang Melayu Dalam Kepercayaan Orang Cina: Satu Kajian Awal dalam Islam dan Kefahaman-Kefahaman Agama". Dalam Faizuri & Mohd Kamil Abd. Majid (Ed.), Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 41-63.
- Abdullah Munshi. 1960. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kassim Ahmad (Ed.), Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Abdul Halim Lim Abdul Rahman, pada 25 November 2012, Bertempat di Kompleks Darul Hidayah, Kuala Terengganu.
- Alcoh Wong Yahoo.2001. "Catatan Mengenai Terengganu Dalam Sejarah Negara China Dan Penempatan Awal Komuniti Cina Di Terengganu". Dalam *Seminar Darul Iman 2001: Persejarah Terengganu Sehingga Abad Ke-18*.
- Alisan Angela. 2020. Pengaruh Diaspora India Terhadap Hubungan Bilateral India-Malaysia. *Jurnal Hubungan Internasional* 5(1), 1-22.
- Ann Wan Seng. 2011. *Biar Orang Cina Pimpin Islam*, Ampang: Mihas Grafik Sdn Bhd.
- Azarudin Awang. 2015. *Kajian Pengalaman Dialog Kehidupan Masyarakat Cina Muslim Terengganu Sebelum dan Selepas Konversi Agama*, Tesis Phd. Universiti Malaya.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2014. "Dorongan Pemelukan Agama Islam dalam Kalangan Komuniti Minoriti di Sebuah Negeri Majoriti Melayu". *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2(3), 3-12
- Bahagian Dakwah. 2012. Pejabat Agama Negeri Terengganu.
- Bancian Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Bancian Penduduk Negeri Terengganu.

- Buyong Adil. 1974. *Sejarah Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Cheong Meng Ngai, 1991. Sejarah Kedatangan dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940), Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dunmore, J., 1973. "French Visitors to Terengganu in the Eighteenth Century". *JMBRAS*, (1), 46-47.
- Fakulti Pengurusan dan Ekonomi KUSTEM. 2002. *Warisan Terengganu*, Kuala Nerus: Penerbit KUSTEM.
- Kim, Khoo Kay. 2009. "The Emergence of Plural Communities in the Malay Peninsula before 1874". In *Multiethnic Malaysia: Past, Present and Future*, Petaling Jaya: MiDAS & SIRD.
- Lamat Jusoh. 1975. "Komuniti China di Kuala Terengganu", *Jurnal Sejarah Universiti Malaya*, (1975/76), 1-20.
- Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan. 2000. Putrajaya: Jabatan Statistik Malaysia.
- Mohamad Anwar Omar Din and Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Dirgahayu Tuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan Sultan Mizan.
- Mohd Sufri Jaafar, pada 12 April 2012, di pejabat PERKIM Terengganu.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1991. *Terengganu Darul Iman, Tradisi Persejarahannya Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Norhana Ng Abdullah, pada 12 Mac 2012, di pejabat Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu.
- Purcell, V. 1965. *The Chinese in Southeast Asia*. London: OUP.
- Rahmah Ismail, 2008. "Pembangunan Ekonomi Negeri Terengganu". Dalam *Persidangan Antarabangsa Tiga Abad Kesultanan Terengganu 1708-2008* anjuran UDM & Yayasan Di Raja Sultan Mizan.
- Syaifa Tania, Massageng Widagdhaprasana, Mashita Phitaloka Fandia Purwaningtyas, Maulin Niam. 2019. Pemuda, Diaspora Dan Penggunaan Media Baru Dalam Gerakan Sosial Sabangmerauke. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 6 (2), 69-82.
- Stephen Chan Mung Koon, pada 20 Mac 2013, di Pastor St Andrew's Church, Kuala Terengganu.
- Tan Chee Beng. 2011. "Agama Cina di Malaysia: Satu Pandangan Umum", *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 2(2), 77-98.
- Tan Yao Sua, Thock Ker Pong, Kamarudin Ngah and Goh Soo Khoon. 2012. "Maintenance and propagation of Chinese culture in a Malay state: the roles of the Chinese associations in Kuala Terengganu", *Asian Ethnicity*, 13(4), 441-67.
- Wang Gungwu. 1978. *Kebudayaan Cina*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Wong Choon Kheng, pada 23 Mac 2013, di pejabat Persatuan Buddha Terengganu.

Zheng, Yunus Ma Abdullah. 2001. *Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam*, Tesis Sarjana Universiti Malaya.

## Nota Biografi

Azman Che Mat (PhD) (azman531@uitm.edu.my) ialah profesor bahasa Arab di Akademi Pengajian Bahasa, UiTM. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang terjemahan Arab-Melayu, linguistik bahasa Arab, pengajaran dan pembelajaran bahasa. Di samping itu beliau juga mempunyai minat dalam kajian pendidikan Islam dan kemanusiaan secara umum. Beliau merupakan penyelidik yang aktif menerbitkan hasil penyelidikan di dalam jurnal, buku, bab dalam buku dan artikel akademik. Penyelidikan yang sedang dijalankan oleh beliau sekarang ialah pembangunan kemahiran menulis menggunakan mesin automatik dalam talian (Geran Profesor UiTM), kajian muafak komuniti Cina di Malaysia (FRGS) dan kegunaan kosa kata pinjaman Arab dalam pembelajaran Bahasa Arab (Geran Dalaman Universiti RCF).

Azarudin Awang (PhD) (azaru154@uitm.edu.my) ialah Prof. Madya di Akademi Kontemporari Pengajian Islam (ACIS), UiTM Terengganu. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang hubungan etnik, perbandingan agama, dialog agama dan pemikiran Islam. Beliau merupakan penyelidik yang aktif menerbitkan hasil penyelidikan di dalam jurnal, buku, bab dalam buku dan artikel akademik. Penyelidikan yang sedang dijalankan oleh beliau sekarang ialah Muafak di Malaysia (Pembentukan Indeks Keharmonian Antara Agama) dan Kesan Zakat Terhadap Pernghayatan Agama Muafak di Terengganu.

Ruhaizah Abd Ghani (PhD) (rhaizah@uitm.edu.my) ialah pensyarah kanan di Akademi Kontemporari Pengajian Islam, UiTM Terengganu. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang pemikiran Islam, tamadun dan hubungan etnik. Penyelidikan yang sedang dijalankan oleh beliau sekarang ialah Muafak di Malaysia (Pembentukan Indeks Keharmonian Antara Agama).

## Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 600-IRMI/FRGS/ 5/3 (473/2019) di bawah Universiti Teknologi Mara dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana menyediakan dana bagi penyelidikan yang dijalankan.